

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [ MAS GADING ]**

**SOALAN NO. 306**

**Tuan Mordi Bimol [ Mas Gading ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah atau akan disalurkan bagi tujuan membekalkan keperluan serta kemudahan pelajar seperti kerusi, meja, papan tulis, kipas siling yang dikatakan sangat diperlukan khususnya sekolah-sekolah di bawah Pejabat Pendidikan Daerah Bau dan Lundu.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian kepada keperluan harta modal bagi semua institusi pendidikan terutamanya di sekolah-sekolah. Pada tahun 2018, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sarawak telah menerima peruntukan sebanyak RM3.31 juta. Peruntukan ini telah diagihkan ke sekolah-sekolah mengikut keutamaan dan antaranya SMK Singgai, Bau yang menerima peruntukan sebanyak RM471,968.00.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi suku tahun pertama 2019, peruntukan sebanyak RM1.856 juta juga telah diturunkan ke JPN Sarawak untuk diagihkan kepada sekolah-sekolah bagi keperluan harta modal berdasarkan keutamaan.